



NAJIB Tun Razak bertanya sesuatu kepada seorang wanita Orang Asli, Pepik Pelangot yang menerima rawatan dari klinik bergerak di Kampung Padang, Pekan, Pahang, semalam.

Jangan cabar kewibawaan PM – Najib

UM - 22/1/2006

PEKAN 21 Jan. – Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengingatkan semua pihak terutama dalam kerajaan agar tidak melakukan sebarang tindakan yang dilihat boleh mencabar kewibawaan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam membuat keputusan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sistem kerajaan di negara ini menyediakan platform untuk bersuara dengan mudah dan tidak memerlukan kaedah-kaedah kurang sihat termasuk penggunaan memorandum seperti yang dilakukan oleh sembilan menteri bukan Islam baru-baru ini.

Tegasnya, tindakan menghantar memorandum mewujudkan persepsi negatif di kalangan rakyat seolah-olah wujud elemen tekanan dan ugutan ke atas Perdana Menteri.

“Ia selanjutnya mampu membawa kelegaan atau sesuatu yang lebih buruk

antara kaum di negara ini,” katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan sumbangan kepada masyarakat Orang Asli di Kampung Padang, dekat sini hari ini.

Najib mengulas tindakan sembilan menteri Kabinet menghantar memorandum kepada Perdana Menteri meminta supaya disemak semula undang-undang berkaitan pertukaran agama.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, semua pihak terbabit perlu berfikir sejauh mana mereka patut melakukan sesuatu tindakan yang mengundang tafsiran negatif di kalangan masyarakat walaupun niatnya mungkin baik.

Katanya, semua menteri yang mewakili apa jua kaum atau agama berhak untuk bersuara mengenai sebarang isu termasuk yang sensitif tetapi ia perlu dilakukan dalam semangat Barisan Nasional yang

menjadi amalan sejak sekian lama.

“Dalam Kabinet, semua kaum diwakili, Perdana Menteri adalah Perdana Menteri untuk semua kaum dan golongan di negara kita.

“Sudah tentu beliau tahu apa yang dibuat sebagai ketua, keputusan beliau pastinya tepat dan adil,” katanya.

Menurut Najib, setiap pandangan boleh dikemukakan dalam mesyuarat Jemaah Menteri, secara tertutup, atau dengan menulis surat kepada Perdana Menteri dan berurusan terus dengan beliau.

“Tidak perlu menyediakan memorandum secara kolektif kerana cara ini jika dihebah kepada pihak luar boleh ditafsir sebagai satu bentuk tekanan kepada Perdana Menteri ataupun boleh ditafsir kurang keyakinan kepada beliau untuk membuat keputusan,” katanya.